

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK Peringatan: Anda diingatkan untuk membaca Lembaran Maklumat Produk (PDS) ini sebelum anda menggunakan kad kredit AFFIN Bank. Sila dapatkan penjelasan daripada Affin Bank jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam PDS atau terma dan syarat produk.	Affin Bank Berhad [197501003274 (25046-T)] Kemudahan Overdraf Affin Bank dengan AFFIN AVANCE Visa Tarikh : 1 Ogos 2022
--	--

1. Apakah produk ini?

Kemudahan Overdraf Affin Bank dengan AFFIN AVANCE Visa adalah kemudahan yang disediakan untuk Ahli Kad Utama individu AFFIN AVANCE Visa. Had kemudahan Overdraf yang diberikan adalah 30% daripada jumlah had keseluruhan AFFIN AVANCE Visa yang diluluskan.

2. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?

Kelayakan	- Ahli Kad Utama AFFIN AVANCE Visa dengan syarat-syarat berikut: i) Warganegara Malaysia atau Permaisutauin Tetap negara Malaysia ii) Berumur 21 hingga 65 tahun					
Tujuan	Penggunaan peribadi					
Had Kemudahan	30% dari jumlah had keseluruhan AFFIN AVANCE Visa yang diluluskan.					
Tempoh	Kemudahan Overdraf (“Kemudahan”) ini akan terus ditawarkan selagi AFFIN AVANCE Visa masih aktif dengan Bank.					
Kadar Keuntungan Efektif Fasiliti (Baki Harian)	Kadar keuntungan menarik seperti di bawah: (Tertakluk kepada terma dan syarat) <table><tr><th>Kadar Keuntungan*</th><th>Kadar Keuntungan Tahunan Efektif</th></tr><tr><td>Kadar Asas Standard (KAS) + 1.50% setahun</td><td>_____ % setahun</td></tr></table> <u>Nota:</u> ➤ Kadar keuntungan akan ditentukan pada masa permohonan. ➤ Sila layari www.affinalways.com untuk kadar KAS terkini.		Kadar Keuntungan*	Kadar Keuntungan Tahunan Efektif	Kadar Asas Standard (KAS) + 1.50% setahun	_____ % setahun
Kadar Keuntungan*	Kadar Keuntungan Tahunan Efektif					
Kadar Asas Standard (KAS) + 1.50% setahun	_____ % setahun					

3. Apakah Kadar Asas Standard (KAS)?

Kadar Asas Standard (KAS) yang kami tawarkan untuk Pinjaman Runcit Kadar Terapung terdiri daripada dua bahagian, iaitu tanda aras Kos Dana (COF) dan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Tanda aras COF kami mencerminkan kos penajaan dana baharu dan ia berdasarkan kombinasi Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) 3 bulan dan kos pembiayaan Deposit Tetap.

4. Apakah senario yang mungkin mencetuskan perubahan dalam KAS?

KAS boleh meningkat atau menurun disebabkan oleh perubahan dalam polisi kewangan seperti Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia, dan juga faktor-faktor lain seperti perubahan dalam keadaan pendanaan.

5. Penanda aras Kos Dana (COF) terdahulu dalam tempoh 3 tahun yang lepas:

Sila rujuk www.affinalways.com untuk data sejarah terkini.

(Pergi ke **Pinjaman > Kemudahan Overdraf > Ketahui lebih lanjut > Maklumat Tambahan > Penanda Aras Kos Dana yang Digunakan untuk Menentukan Kadar Asas Standard**)

6. Apakah obligasi saya?

- Anda dikehendaki untuk membayar faedah yang dikenakan berdasarkan jumlah overdraf yang anda gunakan.
- Membuat pembayaran faedah dengan tetap dan memastikan bahawa baki belum dijelaskan bagi overdraf tidak melebihi Had Yang Diluluskan pada bila-bila masa.
- Setelah pembatalan/penamatan Kemudahan atau/dan AFFIN AVANCE Visa, anda diminta untuk membuat penyelesaian penuh untuk keseluruhan jumlah Kemudahan yang belum dijelaskan termasuk jumlah prinsipal, faedah dan sebarang wang lain yang terhutang kepada Bank.

Contoh:

Had Kemudahan = RM10,000

Kadar Efektif = SBR + 1.50% setahun

KAS Semasa = 2.70%

Bahagian faedah yang perlu dibayar oleh pelanggan (Oktober 2021)

Penggunaan = RM5,000

Jumlah hari = 31

Faedah yang perlu dibayar oleh pelanggan untuk Oktober 2021	= $\frac{\text{Jumlah penggunaan} \times \text{Kadar Faedah Efektif} \times \text{Jumlah Hari}}{365 \text{ (366 untuk tahun lompat)}}$
	= $\frac{\text{RM5,000} \times 4.20\% \times 31}{365}$
	= RM17.84

7. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis Yuran/Caj	Butiran Yuran/Caj
Yuran Lebihan Had	7.00% setahun akan dikenakan ke atas sebarang jumlah yang melebihi had anda yang diluluskan. Faedah tambahan ini dikira atas dasar baki harian dan akan dikenakan terhadap akaun Kemudahan anda setiap bulan.
Penyata pembiayaan tambahan (setiap permintaan)	RM10.00
Yuran komitmen	1% setahun akan dikenakan ke atas bahagian Kemudahan yang tidak digunakan jika atau apabila semua kemudahan overdraf yang diberikan kepada anda oleh Bank melebihi RM250,000 pada bila-bila masa. Yuran yang tidak akan dikembalikan ini akan dikenakan terhadap akaun Kemudahan anda pada akhir setiap bulan.

8. Bagaimana sekiranya saya gagal untuk memenuhi kewajipan saya?

- Jika anda menghadapi masalah untuk melaksanakan kewajipan pinjaman anda, hubungi kami untuk membincangkan alternatif pembayaran balik. Kelewatan di pihak anda boleh menyebabkan perkara berikut:
 - i. Faedah perlu dijelaskan setiap bulan.
 - ii. Sekiranya tiada pembayaran faedah dibuat bagi tiga (3) bulan berturut-turut untuk Kemudahan tersebut dan/atau AFFIN AVANCE Visa dibatalkan dengan pihak Bank, Kemudahan ini akan dibatalkan.
 - iii. Kami mempunyai hak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun anda yang dikekalkan dengan kami untuk menyelesaikan baki belum jelas dalam akaun Kemudahan ini di mana kami akan memberitahu anda terlebih dahulu sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar.
 - iv. Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal menjawab notis peringatan.
 - i. Tindakan undang-undang terhadap anda boleh mempengaruhi penilaian kredit anda yang akan menyebabkan lebih sukar atau mahal untuk anda mendapatkan pinjaman.

9. Bagaimana sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya pinjaman sebelum tempoh matang?

Pihak Bank tidak mengenakan sebarang tempoh terkunci bagi Kemudahan ini dan tiada sebarang yuran dikenakan bagi penyelesaian awal sebelum tempoh matang.

10. Apakah risiko utama?

Kadar faedah efektif bagi pinjaman ini adalah terapung dan bersandar kepada SBR. Kadar faedah efektif mungkin berubah dari berdasarkan SBR. Peningkatan Kadar faedah efektif akan menyebabkan peningkatan bayaran ansuran bulanan.

Nota:

Sekiranya anda menghadapi masalah untuk memenuhi kewajipan Kemudahan anda, sila hubungi dan berbincang dengan pihak kami.

11. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan mengenai maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda maklumkan pihak Bank dengan segera tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan untuk memastikan semua koresponden diterima tepat pada waktunya

12. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi pihak Bank di salah satu saluran yang berikut atau layari laman sesawang kami di www.affinalways.com

Tulis kepada: Jabatan Perniagaan Kad
Level 1, Menara Affin
No. 80, Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lumpur

Pusat Panggilan: 03-8230 2222

Borang maklum balas dalam talian di www.affinalways.com
Atau kunjungi cawangan Affin Bank atau Affin Islamic Bank yang berdekatan dengan anda.

13. Dimanakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Sekiranya anda mempunyai kesukaran dalam membuat pembayaran, anda hendaklah menghubungi kami dengan kadar segera untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran:

Alamat: AFFIN BANK BERHAD Jabatan Pengurusan Kualiti Aset 401 & 501, Block C, Kelana Jaya Business Centre, Jalan SS7/2, 47301 Kelana Jaya, Selangor Darul Ehsan.	Nombor Telefon: 03-8230 2828 Waktu Operasi: 8:45 pagi – 5:45 petang (Isnin - Khamis) 8:45 pagi – 4:45 petang (Jumaat) Nombor Faks: 03-7947 5400 / 03-7947 5540
--	---

- Sekiranya anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh mengisi “e-Borang untuk membuat maklumbalas/aduan pelanggan” yang boleh didapati di laman web di www.affinalways.com yang akan dihantar ke Khidmat Pelanggan & Kualiti. Anda juga boleh menghubungi kami di:

Alamat: AFFIN BANK BERHAD Khidmat Pelanggan & Kualiti 17 th Floor, Menara Affin, 80 Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur	Nombor Pusat Panggilan: 03-8230 2222 Waktu Operasi: 8:00 pagi – 12:00 malam (Isnin – Ahad) Nombor Talian Khidmat Pelanggan: 1-800-88-3883 Waktu Operasi: 8:45 pagi – 5:45 petang (Isnin - Khamis) 8:45 pagi – 4:45 petang (Jumaat) Nombor Faks: 03-2026 1104 E-mel: yourvoice@affinbank.com.my
--	--

- Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh pihak kami anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia Link atau Telelink di:

Address: Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Ground Floor, Block D Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur	Nombor BNMTELELINK: 1-300-88-5465 / 1-300-88-LINK +603-2174 1717 (luar negara) Waktu Operasi: 9:00 pagi – 5:00 petang (Isnin - Jumaat) Nombor Faks: 03-2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my Borang Web eLINK: https://telelink.bnm.gov.my
---	--

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Alamat: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) Level 5 and 6, Menara Bumiputra-Commerce, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.	Tel : 03-2616 7766 E-mel : enquiry@akpk.org.my
--	--

NOTA PENTING:

**TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA TIDAK MENGURUSKAN BAYARAN KEMUDAHAN OVERDRAF ANDA DENGAN BAIK.
AKAUN ANDA MUNGKIN AKAN DITUTUP SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMBUAT BAYARAN ANSURAN BULANAN BAGI KEMUDAHAN OVERDRAF ANDA SEPERTI BIASA.**

Maklumat yang diberikan di dalam lembaran pendedahan maklumat ini sah pada _____.

Saya/Kami dengan ini mengakui bahawa terma utama lembaran pendedahan produk ini, khususnya, terma yang memberi kesan kepada saya/kami, telah dijelaskan dengan jelas kepada saya/kami oleh kakitangan, wakil atau ejen Bank.

Tandatangan :
Nama :
Nombor Kad Pengenalan :
Tarikh :